Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	15/1/2019	MUKA SURAT : 11
JABATAN	:	KATS	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

ROMBAKAN, PERTUKARAN KETUA SETIAUSAHA

Usah politikkan semua perkara

barat 'rumah sudah siap, pahat masih berbunyi'. Itu mungkin gambaran sesuai bagi merujuk isu rombakan dan pertukaran beberapa ketua setiausaha (KSU) yang masih menjadi 'cerita panas', khususnya di media sosial dan kedai kopi.

Memang jika isu membabitkan sesuatu yang sudah diputuskan, kemudian dibatalkan pula, pasti menarik perhatian ramai, apatah lagi berkaitan jawatan utama dalam pentadbiran perkhidmatan awam.

Justeru, apabila kerajaan melakukan rombakan besar-besaran baru-baru ini, membabitkan pertukaran jawatan dan kenaikan pangkat sembilan KSU kementerian dan tiga ketua pengarah, ia terus menjadi tumpuan.

Ketika mengulas proses berkenaan, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Dr Ismail Bakar, dilaporkan berkata, rombakan besar sedemikian mampu memperkukuhkan pentadbiran, selain pengurusan tertinggi peringkat kementerian serta agensi terbabit.

Ia adalah prosedur biasa berikutan kekosongan yang ditinggalkan akibat persaraan wajib dan tamat tempoh kontrak penyandang, selain mengambil kira keperluan untuk dibuat pusingan penempatan dalam kalangan KSU kementerian sedia ada.

Tumpuan bertambah apabila ada KSU sepatutnya ditukarkan ke kementerian lain, sebaliknya kekal di kementerian sama, malah keputusan itu pula diperkatakan apabila ada menteri yang memfailkan rayuan.

Komentar

Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

Perkukuh perkhidmatan awam

Mengulas isu sama, Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda, yakin ia dilakukan bagi mengukuhkan perkhidmatan awam, khususnya pada peringkat kementerian, tiada kena mengena dengan tekanan atau pengaruh politik.

"Rombakan dan pertukaran jawatan penjawat awam membabitkan KSU kementerian adalah proses pengukuhan pentadbiran kerajaan yang tidak dipengaruhi tekanan politik," katanya seperti dilaporkan media sebelum ini.

Justeru, cubaan mengaitkan isu rombakan dan pertukaran jawatan KSU dan ketua jabatan dengan tekanan politik, seharusnya dihentikan segera bagi membolehkan penjawat berkenaan meneruskan perkhidmatan untuk kepentingan rakyat dan negara.

Sepatutnya, semua pihak akur keputusan kerajaan, sekali gus menghentikan propaganda dan spekulasi. Beri peluang kepada penyandang jawatan memfokuskan tumpuan untuk bekerja, bukan terkait dalam polemik politik sepanjang masa sehingga dibimbangi menjejaskan produktiviti.

Kesejahteraan rakyat, negara

Keputusan kerajaan berhubung rombakan KSU, ketua pengarah atau pengarah sesebuah jabatan dan agensi tidak seharusnya dilihat dari sudut politik semata-mata, sebaliknya kepentingan ia dilakukan bagi membolehkan penyampaian perkhidmatan awam dipertingkatkan untuk kesejahteraan rakyat dan negara.

Transformasi perkhidmatan awam amat penting dan untuk mencapai matlamat berkenaan. Jentera perkhidmatan kerajaan perlu selari dengan matlamat Malaysia Baharu dibawah Kerajaan Pakatan Harapan (PH).

> Cubaan mengaitkan isu rombakan dan pertukaran jawatan KSU dan ketua jabatan dengan tekanan politik, seharusnya dihentikan segera bagi membolehkan penjawat berkenaan meneruskan perkhidmatan untuk kepentingan rakyat dan negara"

Etika kerja dan perkhidmatan profesional amat diperlukan bagi memastikan segala dasar dan perancangan dapat direalisasikan mengikut jadual yang menepati aspirasi masyarakat berbilang kaum.

Jauhi politik dan elakkan berpolitik sepanjang masa yang tidak menguntungkan, malah menyebabkan rakyat muak seolah-olah 'menanti buah yang tidak jatuh'.

Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri mengakui pelbagai faktor diambil kira sebelum rombakan dan pertukaran KSU dilakukan, bagi memastikan dasar dirancang dapat dilaksana dengan baik.

Seperti dinyatakan Perdana Menteri, antara faktor diambil kira, termasuk kesesuaian pegawai terbabit untuk bekerjasama dengan menteri berkaitan, namun pelantikan seseorang KSU tidak memerlukan pandangan menteri.

Kenyataan itu cukup jelas dan tiada apa disembunyikan, sekali gus isu berkenaan sepatutnya tidak lagi dipanjangkan. Jangan pula ada pihak cuba menangguk di air keruh, mendakwa pertukaran itu untuk menghukum penjawat awam yang ditukar, kononnya kerana pro kepada kerajaan terdahulu.

Propaganda itu tidak wajar disebarkan kerana apa yang pasti, sekiranya mereka dihukum, sudah tentu diturunkan pangkat atau dipaksa berhenti kerja.

Keratan akhbar ***BH*** *11 Januari 2019.*